

MAKPEM
MAJLIS KEBAJIKAN DAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEBANGSAAN MALAYSIA

*National Council of Welfare and
Social Development Malaysia*



LAPORAN TAHUNAN 2006



NO.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Perutusan Menteri	3
2.	Kata-kata Aluan	4
3.	Latar Belakang	5
4.	Wawasan, Misi, Matlamat	6
5.	Carta Pegawai-Pegawai Majlis	7
6.	Carta Organisasi MAKPEM	8
7.	Ahli Pertubuhan Gabungan	9
8.	Ahli Kehormat	9
9.	Ahli Atas Jawatan	9
10.	Juru Audit	9
11.	Mesyuarat Majlis Kerja	10 - 14
12.	Perhimpunan Agung Tahunan Ke-28	15 - 17
13.	Laporan Jawatankuasa Kecil-Jawatankuasa Kecil	
	a) Pengurusan	18 - 27
	b) Latihan	28 - 36
	c) Pembangunan	37
	d) Perhubungan Awam	38 - 39
	e) Pembangunan Komuniti dan Kemasyarakatan	40 - 43
	f) Hal Ehwal Keahlian	44
	g) Perlembagaan dan Perundangan	45
	h) Penyelidikan dan Pembangunan	46
14.	Perhubungan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	47
15.	Perancangan Masa Hadapan	47
16.	Geran Tahunan / Sumbangan / Derma	48
17.	Senarai Kakitangan Urusetia Tahun 2006	48
18.	Penghargaan	48

Perutusan



YB. DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang memberi sepatah dua kata dalam Laporan Tahunan 2006 Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM).

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada MAKPEM yang telah melaksanakan peranannya dengan begitu baik sebagai sebuah badan induk kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela di negara ini. Saya difahamkan MAKPEM telah mengadakan pelbagai program dan perkhidmatan kebajikan masyarakat menerusi ahli-ahli gabungannya khusus untuk kumpulan sasar yang meliputi kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas serta golongan yang kurang bernasib baik. Sesungguhnya perkhidmatan yang diberikan ini melalui pelbagai institusi kebajikan sukarela merupakan satu usaha murni untuk melengkapi (complement) usaha-usaha Kerajaan dalam bidang kebajikan dan pembangunan masyarakat dan sekaligus menyokong misi dan matlamat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



Saya juga berbangga dengan inisiatif MAKPEM untuk meningkatkan keupayaan modal insan sukarelawan melalui program latihannya yang telah diadakan di seluruh negara. Sejak program khas ini dilancarkan pada pertengahan tahun 1999 dan sehingga kini, saya difahamkan seramai 5,153 orang kakitangan dan sukarelawan kebajikan telah dilatih melalui 183 kursus. Saya percaya hasil latihan tersebut telah dapat meningkatkan kemampuan, integriti, produktiviti dan kualiti perkhidmatan yang telah dan akan disampaikan kepada golongan sasar.

Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar MAKPEM akan terus memberi sokongan dan melibatkan diri secara aktif dalam bidang kebajikan dan pembangunan masyarakat serta menyumbang kepada pelaksanaan dasar dan program yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Salam hormat,

SHAHRIZAT ABDUL JALIL

Julai 2007



Kata-Kata Aluan

YH. DATO' SETIA AMAR SEGARA DATO' HAJI HALIM BIN HAJI IBRAHIM

Presiden, Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM)



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya bersyukur ke Hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpahNya dapat sekali lagi menerbitkan Laporan Tahunan bagi Tahun 2006 yang memberi maklumat tentang kemajuan yang telah dicapai oleh Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM) sepanjang tahun tersebut.

Sebagaimana juga pada tahun-tahun yang lalu MAKPEM telah memberi fokus utama terhadap program latihan yang bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para sukarelawan dan juga kakitangan pertubuhan sukarela di dalam perancangan, pengurusan dan pelaksanaan perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial agar mutu perkhidmatan lebih berkualiti dan bertaraf profesional yang disampaikan dapat memuaskan hati pelanggan.

Dalam tahun 2006 seramai 776 orang sukarelawan dan kakitangan pertubuhan telah menghadiri berbagai kursus dalam bidang-bidang tertentu yang bertujuan untuk melengkapkan diri bagi mengendalikan dan menguruskan masalah-masalah berkaitan dengan kanak-kanak, remaja, orang kurang upaya, keluarga, warga tua dan sebagainya. Mereka juga menghadiri kursus-kursus berhubung dengan pengurusan organisasi, kewangan dan pentadbiran.

Bagi meningkatkan lagi tahap dan kualiti latihan, MAKPEM sedang bekerjasama dengan Open University Malaysia (OUM) bagi menaikkan taraf latihan MAKPEM ke peringkat Sijil 'Care-Givers'. Usaha ini sedang rancak dijalankan dan telah mendapat sokongan dari pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Yayasan Kebajikan Negara. InsyaAllah program ini akan dapat dilaksanakan pada tahun hadapan.

Satu lawatan sambil belajar telah diadakan ke National Council on Social Welfare of Thailand (NCSWT), Bangkok pada 27 - 29 Ogos, 2006. Lawatan ini telah dianjurkan oleh MAKPEM dengan tujuan untuk merapatkan hubungan dikalangan pertubuhan kebajikan sukarela kebangsaan peringkat Asean dan juga untuk mempelajari program-program kebajikan sukarela yang dikendalikan oleh negara jiran. Seramai 37 orang ahli-ahli gabungan dan wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyertainya.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah memberi sokongan kewangan dan nasihat bagi membolehkan MAKPEM meneruskan program dan aktiviti latihan serta kemasyarakatan untuk memberi manfaat kepada ahli-ahli pertubuhan gabungan serta orang ramai.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan ahli gabungan Majlis yang telah memberi sokongan yang berterusan bagi menjayakan program dan aktiviti Majlis.

'Selamat Maju Jaya'

**DATO' SETIA AMAR SEGARA
DATO' HAJI HALIM BIN HAJI IBRAHIM**



LATAR BELAKANG MAJLIS KEBAJIKAN DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEBANGSAAN MALAYSIA (MAKPEM)

Seiringan dengan penubuhan Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1946 sebuah Pertubuhan Kebajikan Sukarela peringkat nasional "Central Welfare Council" telah diwujudkan di Negara ini. Ianya merupakan "forerunner" kepada Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia. Tujuannya ketika itu ialah untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan akibat bencana Perang Dunia Kedua dan lain-lain mangsa masalah sosial, disamping bertindak sebagai Penyelaras kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan lain.

Sejak tarikh tersebut terdapat berbagai badan sukarela telah ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasaran masing-masing. Berikutan dengan penubuhan Malaysia, pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengambil inisiatif bagi mewujudkan sebuah badan penyelaras di peringkat kebangsaan bagi pertubuhan sukarela kebajikan. Tujuannya bukan sahaja untuk membawa mereka dibawah satu payung, tetapi juga menguatkan lagi kedudukan mereka di arena antarabangsa di dalam bidang kebajikan dan pembangunan sosial. Selain dari itu, badan ini juga menjadi penghubung kepada pertubuhan-pertubuhan peringkat antarabangsa menerusi keahliannya di peringkat global.

Sejarah pertubuhannya bermula apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menjemput wakil-wakil dari Majlis Kebajikan Masyarakat Singapura, Sabah dan Sarawak ke satu mesyuarat khas pada 30hb Jun, 1965 untuk membincangkan penubuhan satu badan bercorak kebangsaan. Hasil dari mesyuarat tersebut satu Deraf Perlembagaan telah digubal dan kemudiannya telah disahkan oleh Majlis Kebajikan Masyarakat masing-masing.

Penubuhan Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MKMKM) pada mulanya telah ditetapkan pada bulan Ogos 1965 akan tetapi disebabkan perpisahan Singapura dari Malaysia, penubuhannya telah ditangguhkan. Selepas pindaan dibuat di dalam Deraf Perlembagaan dengan mengeluarkan perkara 'Singapura', MKMKM telah dilancarkan dengan rasminya pada 3 Februari 1966 dengan YB Menteri Kebajikan Masyarakat sebagai Yang Di Pertua. Sejak dari itu, Menteri yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat telah memimpin Majlis ini sebagai Yang Di Pertua.

Pada bulan Ogos 1998 Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan ini kemudiannya telah ditukar nama sebagai Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM) atau "National Council of Welfare and Social Development Malaysia (NCWSDM)" untuk memperluaskan lagi peranan dan keahliannya.



WAWASAN

- a. Mempertingkatkan pembangunan dan kesejahteraan rakyat Malaysia khususnya golongan yang kurang berkeupayaan serta individu, dan lain-lain anggota masyarakat, atau komuniti yang terlibat dengan gejala sosial yang berlaku dari semasa kesemasa.
- b. Mewujudkan persekitaran yang harmoni dan penyayang supaya setiap individu hidup dalam keadaan sihat, produktif, berdikari dan bebas, selaras dengan hak dan tanggungjawab masing-masing.

MISI

- a. Menggembeling dan menggalakkan pertubuhan badan-badan sukarela di Malaysia untuk menangani isu-isu pembangunan sosial.
- b. Mencapai kecemerlangan dalam kerja sosial menerusi dasar-dasar sosial, perancangan, pendidikan dan latihan yang koheren serta menyediakan perkhidmatan yang unggul.
- c. Bekerja secara berkongsi dengan sektor awam, sektor swasta dan masyarakat umum.

MATLAMAT

Matlamat Majlis Kebangsaan ini adalah :

- a. Berfungsi sebagai badan induk kepada semua pertubuhan kebajikan dan pembangunan masyarakat yang telah menjadi ahli di negara ini dan menjadi wakil utama kepada badan-badan tersebut di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- b. Membantu dan melengkapi (complement) usaha-usaha kerajaan dalam bidang kebajikan dan pembangunan masyarakat dan mengemukakan pandangan terhadap isu-isu sosial semasa untuk kebaikan umum.
- c. Bekerjasama dengan ahli-ahlinya untuk mempertingkat dan memperkukuhkan aktiviti-aktiviti kebajikan dan pembangunan masyarakat bagi menangani masalah-masalah sosial semasa di negara ini.
- d. Membantu meninggikan mutu kerja ahli-ahlinya bagi mencapai perkhidmatan yang berkualiti.
- e. Berusaha melaksana projek pembangunan masyarakat dan menjalankan penyelidikan mengenai keperluan kebajikan dan pembangunan masyarakat dan masalah yang timbul.
- f. Menyediakan media yang tetap untuk pertukaran maklumat dan penyebaran maklumat di kalangan agensi kebajikan masyarakat.
- g. Berusaha untuk mendapatkan sumber kewangan yang secukupnya samada melalui sumbangan atau derma bagi melaksanakan segala program dan aktiviti; dan menggalakkan serta menyokong ahli-ahli menganjur rancangan kutipan derma yang sah untuk membolehkan pergerakan yang lebih mantap. Segala kutipan derma dari orang awam perlu dengan kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.
- h. Menganjur, melaksana apa-apa jua program dan aktiviti yang difikirkan sesuai dan manafaat untuk pembangunan Majlis Kebangsaan dan ahli-ahlinya.
- i. Bergabung dengan badan-badan antarabangsa dan rantauan yang sah didaftar yang mempunyai matlamat yang sama.



CARTA PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS BAGI PENGGAL 2006 - 2008

PENASIHAT

YB. Dato' Sri Sharizat binti Abdul Jalil
(Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) *

* Pindaan Perlembagaan ini
telah diluluskan oleh
Pendaftar Pertubuhan Malaysia
pada 16/11/2006.

PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS PENGGAL 2006 - 2008

PRESIDEN

YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang)

TIMBALAN PRESIDEN

Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein
(Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia)

NAIB-NAIB PRESIDEN

i) Y. Bhg. Dato' Ghazali bin Dato' Yusoff
(Persatuan Pure Life)

ii) Puan Hajah Khatijah binti Sulieman
(Majlis Kebangsaan Rumah-Rumah Cheshire Malaysia)

iii) Puan Joan Irene Yong
(Majlis Kebajikan Sosial Sarawak)

iv) Tuan Haji Mohamed bin Haji A. Jalal
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Johor)

SETIAUSAHA AGUNG KEHORMAT


Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias
(Majlis Pemulihan Malaysia)

BENDAHARI AGUNG KEHORMAT

The Revd. Canon Samuel D. John
(Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia)



CARTA ORGANISASI MAKPEM





AHLI PERTUBUHAN GABUNGAN

Senarai nama pegawai-pegawai dan ahli-ahli pertubuhan gabungan MAKPEM setakat ini seperti di 'LAMPIRAN A'. Dalam tahun 2006, MAKPEM telah meluluskan permohonan Persatuan Sindrom Down Malaysia sebagai Ahli Biasa. MAKPEM mengucapkan tahniah kepada Persatuan Sindrom Down Malaysia dan semoga dengan penyertaan ahli gabungan yang baru ini akan memantapkan lagi program dan aktiviti MAKPEM.

AHLI KEHORMAT

Setakat ini cuma seorang sahaja yang dilantik sebagai Ahli Kehormat Majlis. Beliau ialah :-

Y. BHG. TAN SRI DATUK PADUKA (DR.) HAJAH SALEHA BINTI HAJI MOHD ALI

AHLI ATAS JAWATAN

Mengikut Perlembagaan Majlis Ahli Atas Jawatan ialah :-

KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA

JURU AUDIT

Juru Audit Majlis bagi tahun 2006 ialah :-

SYARIKAT AZMAN AHMAD & CO.



MESYUARAT MAJLIS KERJA

Ahli-Ahli Majlis Kerja mengandungi :-

- i) Pegawai-pegawai Majlis Kebangsaan;
- ii) Seorang wakil daripada setiap Ahli Biasa;
- iii) Seorang wakil daripada setiap Ahli Bersekutu; dan
- iv) Ahli Atas Jawatan

Dalam tahun 2006, Majlis telah mengadakan tiga kali Mesyuarat Majlis Kerja iaitu pada 22 April, 2006, 29 Julai, 2006 dan 18 November, 2006. Perkara-perkara penting yang diberi tumpuan di dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut :-



- 1) MAKPEM di dalam Mesyuarat Majlis Kerjanya pada 22 April, 2006 bersetuju agar satu bentuk penghargaan diberi kepada ahli-ahli gabungan yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran. Satu Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim, Presiden MAKPEM telah dibentuk dan Jawatankuasa tersebut telah memilih lapan buah ahli gabungan untuk menerima Anugerah Khidmat Cemerlang MAKPEM seperti berikut :-

- i) Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah
- ii) Majlis Kebajikan Sosial Sarawak
- iii) Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Selangor
- iv) Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia
- v) Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia
- vi) Persatuan Bekas Tentera Malaysia
- vii) Persekutuan Orang Pekak Malaysia
- viii) Majlis Kebangsaan Rumah-Rumah Cheshire Malaysia





- 2) Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebanyak sebelas (11) buah ahli gabungan MAKPEM telah mengemukakan rancangan pembangunan masing-masing berjumlah RM 66.446 juta. Rancangan-rancangan ini meliputi pembinaan infrastruktur bagi bangunan-bangunan baru, penambahbaikan bangunan sedia ada, pembelian peralatan dan juga program-program baru bagi faedah ahli persatuan masing-masing. Satu mesyuarat khas telah diadakan di MAKPEM pada 24 November, 2006. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Y. Bhg. Dato' Rafek Reshidullah, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia serta Pegawai-Pegawai Kanannya, Presiden MAKPEM serta wakil-wakil ahli-ahli pertubuhan yang berkaitan. Tujuan mesyuarat ini diadakan ialah untuk mendapat panduan dan nasihat dari Jabatan tentang prosedur yang perlu dipatuhi bagi memperolehi kelulusan tersebut dari Kerajaan. Antara keputusan yang telah dipersetujui adalah :-
- i) Permohonan yang bercorak pembinaan bangunan baru akan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Jabatan Perdana Menteri.
 - ii) Permohonan untuk membeli peralatan dan kelengkapan akan dikemukakan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.
 - iii) Permohonan bagi program-program baru akan dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.



- 3) MAKPEM telah mengadakan satu perbincangan untuk bekerjasama dengan Open University Malaysia (OUM) pada 22 September, 2006. Tujuan perbincangan ini ialah untuk menaiktaraf latihan yang dijalankan oleh MAKPEM ke peringkat Sijil 'Care-Givers' dengan adanya input dan penglibatan universiti. Keperluan ini timbul hasil daripada satu rumusan Simposium anjuran MAKPEM pada bulan Disember 2005. Simposium tersebut antara lain mencadangkan agar latihan yang dijalankan oleh MAKPEM dinaiktaraf sehingga ke peringkat sijil dalam bidang kerja sosial bagi meningkatkan 'competencies' dikalangan pertubuhan sukarela.

Perbincangan antara OUM dan MAKPEM telah menghasilkan kerjasama antara OUM dan MAKPEM untuk mengendalikan Kursus Bersijil 'Care-Givers' yang dijangka akan bermula pada bulan Julai 2007. Calon-calun yang layak menyertai kursus ini adalah terdiri daripada mereka yang telah mengikuti tiga kursus MAKPEM sebelum ini.



- 4) '32nd International Conference on Social Welfare 2006' telah diadakan di Ulysses Guimaraes Convention Center, Brasilia, Brazil pada 16 -20 Julai, 2006. Malaysia telah menghantar satu delegasi seramai 15 orang yang diketuai oleh YB. Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan peserta-peserta lain terdiri daripada YB. Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussein, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Pengguna Sabah, YB. Dato' Siti Salmah binti Mat Jusak, Exco Kebajikan Negeri Perak, YB. PK Subaiyah, Exco Kebajikan Negeri Pulau Pinang, Cik Meme Zainal Rashid, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Encik Inau Edin Nom, Pengarah Bahagian, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Puan Halijah binti Yahya, Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Y. Bhg. Datuk Haji Mastor bin Samin, Pengarah Kebajikan Masyarakat Sabah, Y. Bhg. Dato' Victor Issacs, Presiden Malra Cawangan Negeri Terengganu, Encik T. Kamaraj, Majlis Kebangsaan Bagi Orang-Orang Terencat Akal Malaysia, Encik Kui Fui Men dan Cik Flora Mary Evaristus, Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah dan Tuan Haji Hitam bin Chik, Ketua Pegawai Eksekutif MAKPEM.



- 5) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah memberi tanggungjawab kepada MAKPEM untuk melatih sukarelawan bagi membantu peserta-peserta dalam Sukan FESPIC Ke - 9 pada 25 November hingga 1 Disember, 2006 di Kuala Lumpur. Dalam hubungan ini, MAKPEM telah berjaya melatih seramai 2,150 sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Malaya (UM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), dan individu-individu yang prihatin.





- 6) MAKPEM turut serta mengambil bahagian dalam Majlis Rahmat Ramadan anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan badan-badan korporat dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada 14.10.2006. Seramai lebih kurang 6,000 orang daif dan kurang bernasib baik telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa ini. Gerai MAKPEM telah menerima sumbangan makanan dan kuih-muih daripada Rumah Amal Cheshire Selangor, Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia, Persatuan Bekas Polis Malaysia, Persekutuan Orang Pekak Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia, Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia, Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang dan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Negeri Selangor.



- 7) MAKPEM bercadang untuk menyemak semula perlembagaan bagi menambahkan struktur pengurusan yang terdiri daripada kuasa Tertinggi Perhimpunan Agung, Majlis Tertinggi, serta kuasa Jawatankuasa Pengurusan dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil. Ianya perlu dikemaskinikan selaras dengan panduan yang dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan.



PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN KE – 28 MAJLIS KEBAJIKAN DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEBANGSAAN MALAYSIA (MAKPEM)

Perhimpunan Agung Tahunan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM) Ke – 28 telah dirasmikan oleh YAM Tengku Puteri Seri Lela Wangsa Pahang Tengku Tan Sri Hajah Mariam binti Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah DK., SIMP., PSM., JP., pada 25 Ogos, 2006, jam 8.30 malam di Dewan Astana, M. S. Garden Hotel, Kuantan, Pahang.

Dalam ucapan aluannya YAM Tengku Puteri mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan daripada Majlis-Majlis Kebajikan Negeri dan juga pertubuhan-pertubuhan peringkat Kebangsaan dan seterusnya mengucapkan selamat bersidang. Perhimpunan Agung disambung semula pada 26 Ogos, 2006, jam 9.00 pagi. Dalam kata-kata aluannya YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim, Presiden MAKPEM mengucapkan ribuan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran para perwakilan yang terdiri daripada Majlis-Majlis Kebajikan Negeri dan juga pertubuhan-pertubuhan peringkat Kebangsaan. Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAM Tengku Puteri Seri Lela Wangsa Pahang Tengku Tan Sri Hajah Mariam binti Sultan Ahmad Shah yang sudi merasmikan Mesyuarat Agung MAKPEM Ke – 28.

Seterusnya YH. Dato' juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pahang, khususnya kepada YB. Dato' Haji Ishak bin Haji Muhammad, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan Masyarakat dan Hal Ehwal Orang Asli kerana sudi meraikan para perwakilan di jamuan makan malam dan persembahan kebudayaan Negeri Pahang.

Selaku Presiden beliau telah menyampaikan laporan kemajuan MAKPEM terutama sekali dalam usaha MAKPEM untuk meningkatkan kapasiti pertubuhan kebajikan sukarela melalui program pembangunan insan. Program latihan khas yang diperkenalkan pertengahan tahun 1999 sehingga Mesyuarat Agung Ke – 28 ini, pihak MAKPEM telah mengendalikan sebanyak 183 kursus yang melibatkan seramai 5,153 orang peserta. Pihak MKPEM juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia di atas pemberian geran bagi menjayakan program ini. Berikutan dengan sambutan yang menggalakkan di kalangan peserta kursus dan untuk menangani masalah sosial semasa yang semakin kompleks, pihak MAKPEM sedang bekerjasama dengan Universiti Terbuka Malaysia (OUM) bagi menaiktaraf Kursus 'Care-Givers' kepada Kursus Bersijil dalam masa terdekat ini.

Perhimpunan Agung ini telah menerima dan meluluskan Laporan Tahunan 2005 dan Laporan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi Tahun yang sama. Di samping itu, Perhimpunan ini juga telah meluluskan Anggaran Perbelanjaan Bagi Tahun 2007 di mana pendapatannya dianggarkan sebanyak RM 953,700.00 manakala perbelanjaannya sebanyak RM 942,962.00.

Perhimpunan Agung Ke – 28 telah memilih Pegawai-Pegawai Majlis Bagi Tempoh 2006 – 2008 seperti berikut :-

1) **Presiden**

YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang)



2) **Timbalan Presiden**

Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein
(Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia)

3) **Naib-Naib Presiden**

a) Puan Hajah Khatijah binti Sulieman
(Majlis Kebangsaan Rumah-Rumah Cheshire Malaysia)

b) Y. Bhg. Dato' Ghazali bin Dato' Yusoff
(Persatuan Pure Life)

c) Puan Joan Irene Yong
(Majlis Kebajikan Sosial Sarawak)

d) Tuan Haji Mohamed bin Haji A. Jalal
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Johor)

4) **Setiausaha Agung Kehormat**

Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias
(Majlis Pemulihan Malaysia)

5) **Bendahari Agung Kehormat**

The Revd. Canon Samuel D. John
(Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia)





YAM Tengku Puteri Seri Lela Wangsa Pahang
Tengku Tan Sri Hajah Mariam binti
Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah
DK, SIMP, PSM, JP



LAPORAN JAWATANKUASA KECIL- JAWATANKUASA KECIL

SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN

- Pengerusi :** **YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim**
Presiden, MAKPEM
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang)
- Setiausaha :** **Encik Zainal Abidin bin Salleh**
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang)
- Ahli-Ahli :**
- 1. Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein**
Timbalan Presiden, MAKPEM
(Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia)
 - 2. Y. Bhg. Dato' Ghazali bin Dato' Yusoff**
Naib Presiden, MAKPEM
(Persatuan Pure Life)
 - 3. Puan Hajah Khatijah binti Sulieman**
Naib Presiden, MAKPEM
(Majlis Kebangsaan Rumah-Rumah Cheshire Malaysia)
 - 4. Puan Joan Irene Yong**
Naib Presiden, MAKPEM
(Majlis Kebajikan Sosial Sarawak)
 - 5. Tuan Haji Mohamed bin Haji A. Jalal**
Naib Presiden, MAKPEM
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Johor)
 - 6. Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias**
Setiausaha Agung Kehormat, MAKPEM
(Majlis Pemulihan Malaysia)
 - 7. The Revd. Canon Samuel D. John**
Bendahari Agung Kehormat, MAKPEM
(Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia)
 - 8. Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Mary Huang Soo Lee**
(Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia)
 - 9. Encik Abdullah bin Mohd Nor**
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis)
 - 10. Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Sharifah Zainiyah binti Syed Yahya**
(Persatuan Sindrom Down Malaysia)



SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA KECIL PERHUBUNGAN AWAM

- Pengerusi :** **Y. Bhg. Dato' Ghazali bin Dato' Yusoff**
Naib Presiden, MAKPEM
(Persatuan Pure Life)
- Setiausaha :** **Encik R. S. Vengadeson**
Pegawai Eksekutif (Latihan), MAKPEM
- Ahli-Ahli :**
1. **Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias**
Setiausaha Agung Kehormat, MAKPEM
(Majlis Pemulihan Malaysia)
 2. **Mother A. Mangalam**
(Persatuan Pure Life)
 3. **Tuan Haji Sulaiman bin Hassan**
(Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Malaysia)
 4. **Wakil**
(Majlis Kebangsaan Pemuda Kristian Malaysia)
 5. **YB. Dato' Norhayati binti Omar**
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan)
 6. **Y. Bhg. Datuk Haji Mastor bin Samin**
(Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah)
 7. **Encik Mohd Abdul Kader bin Mohd Ali**
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang)
 8. **Wakil**
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Perak)
 9. **Wakil**
(Persatuan Kebajikan Sikh Malaysia)
 10. **Tuan Haji Hitam bin Chik**
Ketua Pegawai Eksekutif, MAKPEM



11. **Encik George Thomas**
(Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia)
12. **Encik Lee Chee Loi**
(Malaysian CARE)
13. **Tuan Haji Hitam bin Chik**
Ketua Pegawai Eksekutif, MAKPEM

Jawatankuasa Pengurusan ini bertanggungjawab dalam pelbagai aspek pengurusan, kewangan, pentadbiran dan kebajikan kakitangan. Dalam tahun ini sebanyak tujuh (7) kali mesyuarat telah diadakan. Perkara-perkara yang telah dibincangkan ialah :-

1. **Tapak Tanah Kerajaan Di Bandar Baru Sentul, Seksyen 85A, Kuala Lumpur**

Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memaklumkan kepada MAKPEM iaitu tanah seluas 3½ ekar Seksyen 85A, Bandar Baru Sentul yang dicadangkan oleh MAKPEM untuk pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan diambil alih Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Tanah ini akan dibangunkan satu kompleks Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pihak Jabatan akan menyediakan ruang gunasama bagi membolehkan pertubuhan sukarela mengendalikan program dan aktiviti masing-masing.

2. **Pembangunan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat empat (4) penender telah mengemukakan sebutharga mereka :-

Bil.	Nama	Harga
i)	Forbena Enterprise	RM 467,508.00
ii)	Pembinaan Sham	RM 330,608.00
iii)	Siticom Engineering	RM 418,313.00
iv)	Ummizad Benacom Sdn. Bhd.	RM 315,901.00

Berdasarkan kepada tender terendah, pihak Konsultan telah membuat perakuan pertimbangan diberi kepada Ummizad Benacom Sdn. Bhd.. Secara amnya mesyuarat menerima cadangan Konsultan tetapi meminta satu perbincangan di buat di antara Konsultan MAKPEM dan Ummizad Benacom Sdn. Bhd. untuk menurunkan kos projek seperti mengubahsuaikan kos bumbung, pemasangan wayar elektrik, pintu dan sebagainya. Mesyuarat mencadangkan agar MAKPEM berusaha untuk mendapatkan dana tambahan bagi mencukupi kos yang terlibat.



Penerbitan Buletin

Sidang Redaksi Buletin Bagi Tahun 2006 ialah :-

Penaung	:	YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim
Penasihat Bersama	:	Y. Bhg. Dato' Ghazali bin Dato' Yusoff Puan Hajah Khatijah binti Sulieman Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias
Ketua Pengarang	:	Tuan Haji Hitam bin Chik
Sidang Pengarang	:	Encik Zainal Abidin bin Salleh Encik R. S. Vengadeson Puan Rahimah binti Haji Mohd Shariff Puan Zainun binti Haji Tun
Grafik	:	Puan Rozlina binti Roslan

Jawatankuasa ini telah menetapkan penerbitan buletin MAKPEM dikeluarkan enam bulan sekali. Pada tahun 2006 sebanyak dua naskah telah dikeluarkan. Mulai tahun 2007, Jawatankuasa ini bercadang akan mengeluarkan empat penerbitan setahun iaitu dua penerbitan berita kebajikan dan dua buletin. Jawatankuasa meminta ahli-ahli gabungan memberi sumbangan dan berita-berita bergambar mengenai kegiatan pertubuhan masing-masing bagi saringan dan terbitan dalam buletin MAKPEM.

Mesyuarat Mejabulat Dengan Ahli-Ahli Gabungan MAKPEM

Terdapat dikalangan ahli-ahli gabungan mengendalikan kursus-kursus yang berkaitan dengan kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak, orang kurang upaya, warga tua dan sebagainya. Kursus-kursus yang dikendalikan oleh ahli-ahli gabungan ini adalah relevan dengan kursus-kursus yang sedang dijalankan oleh MAKPEM. Justeru itu, Jawatankuasa ini mencadangkan agar satu Mesyuarat Mejabulat diadakan bagi membincangkan perkara tersebut dengan tujuan memantapkan lagi kursus-kursus yang dikendalikan oleh MAKPEM.

Papan Tanda MAKPEM

Jawatankuasa mencadangkan agar papan tanda yang menunjukkan arah ke MAKPEM dipasangkan di tempat-tempat yang strategik. Ini ialah untuk memudahkan para pelawat mengunjungi MAKPEM.



3. Menghidupkan Semula Majlis Kebajikan Negeri Kedah

Majlis Kebajikan Negeri Kedah telah didaftarkan semula oleh Pendaftar Pertubuhan dan kini dalam proses untuk memohon semula menjadi ahli gabungan baru kepada MAKPEM. Sementara menunggu proses menjadi ahli gabungan baru Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri atau wakilnya akan menghadiri Mesyuarat Majlis Kerja MAKPEM sebagai mewakili Majlis Kebajikan Negeri Kedah.

4. Cadangan Lawatan Ke Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri

Mesyuarat bersetuju agar MAKPEM akan membuat lawatan ke Majlis-Majlis Kebajikan Negeri dengan tujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan juga mengadakan perbincangan dan pertukaran maklumat di antara MAKPEM dengan Majlis-Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri dari masa ke masa. Mesyuarat bersetuju agar MAKPEM memulakan program lawatan ini ke Negeri Sembilan, diikuti dengan Negeri Selangor dan Negeri Perak dan seterusnya ke negeri-negeri lain. MAKPEM juga ingin mengambil kesempatan untuk membuat kunjungan hormat kepada YAB Menteri Besar atau Ketua Menteri sempena dengan lawatan tersebut.

5. Lawatan Sambil Belajar Ke Thailand

Mesyuarat bersetuju supaya satu lawatan sambil belajar ke Thailand diadakan pada bulan September 2006 iaitu selepas Perhimpunan Agung Tahunan Ke - 28. Lawatan ini adalah bertujuan untuk mengeratkan perhubungan dikalangan pertubuhan sukarela kebajikan Asean serta mengambil peluang untuk mempelajari kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik seperti kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga tua di Bangkok, Thailand.

6. Laporan Pelaksanaan Program Latihan Peningkatan Keupayaan Sektor Pertubuhan Kebajikan Sukarela Tahun 2005

Tuan Haji Hitam bin Chik, Ketua Pegawai Eksekutif MAKPEM melaporkan bahawa geran Latihan Khas sebanyak RM 1 juta daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk tahun 2003 - 2005 telah dijayakan dengan sempurna. Satu laporan telah dikemukakan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk makluman.

7. Syarikat Iktibaru Sdn. Bhd.

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi urusan Syarikat Iktibaru Sdn. Bhd. terhadap pemasaran barang-barang keluaran orang kurang upaya (OKU) dan Institusi Kebajikan pihak Lembaga Pengarah Syarikat tersebut telah melantik Encik Ismail bin Muda sebagai Penyelaras Pemasaran sukarela. Dalam usahanya untuk memantapkan lagi urusan pemasaran barang-barang keluaran OKU, beliau telah membuat lawatan dan kajian terhadap pengeluar-pengeluar yang berpotensi seperti pengeluar 'book marker', stokin atau sarung kaki dan sebagainya. Cadangan beliau untuk memasarkan stokin didapati melibatkan kos yang tinggi dan memberi manfaat kepada segolongan kecil sahaja orang kurang upaya. Justeru itu projek ini didapati tidak 'viable'. Namun begitu Syarikat Iktibaru akan terus menerima barangan keluaran OKU yang berkualiti untuk dipasarkan.



8. Anugerah Kualiti Perdana Menteri Sektor Sosioekonomi Tahun 2006

Sebagai sebuah badan kebajikan peringkat kebangsaan dan badan induk kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela MAKPEM telah berjaya dipilih ke peringkat akhir pertandingan Anugerah Kualiti Perdana Menteri Sektor Sosioekonomi Tahun 2006. Satu Majlis Penghargaan telah diadakan di Auditorium Blok B1, Parcel B, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan persekutuan Putrajaya pada 20 November, 2006. MAKPEM telah diwakili oleh Tuan Haji Hitam bin Chik, Ketua Pegawai Eksekutif MAKPEM untuk menerima 'plaque' dan Sijil Penghargaan daripada Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Y. Bhg. Dato' Haji Yaacob Hussein.





SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA KECIL PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

- Pengerusi :** **YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim**
Presiden, MAKPEM
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang)
- Setiausaha :** **Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias**
Setiausaha Agung Kehormat, MAKPEM
(Majlis Pemulihan Malaysia)
- Ahli-Ahli :**
1. **Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein**
Timbalan Presiden, MAKPEM
(Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia)
 2. **The Revd. Canon Samuel D. John**
Bendahari Agung Kehormat, MAKPEM
(Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia)
 3. **Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Mary Huang Soo Lee**
(Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia)
 4. **Wakil**
(Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia)
 5. **Puan Sri Salmah binti Haji Idrose**
(Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia)
 6. **Encik Mah Hassan bin Haji Omar**
(Gabungan Persatuan Orang Cacat Anggota Malaysia)
 7. **Encik Muniandy S.**
(Persatuan Kesihatan Mental Malaysia)
 8. **Wakil**
(Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia)
 9. **Encik Mohd Abdul Kader bin Mohd Ali**
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang)
 10. **Encik Zainal Abidin bin Salleh**
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang)
 11. **Tuan Haji Hitam bin Chik**
Ketua Pegawai Eksekutif, MAKPEM



1. Perhubungan Dengan International Council on Social Welfare (ICSW)

MAKPEM ini terus bergabung dengan ICSW. Presidennya ialah Ms. Solveig Askjem dari Norway. Beliau dibantu oleh seorang Pengarah Eksekutif, Mr. Denys Correll dari Australia. Tujuan MAKPEM bergabung dengan ICSW di antara lain ialah untuk :-

- i) mewakili Malaysia dalam bidang kebajikan masyarakat di peringkat antarabangsa.
- ii) turut memainkan peranan dalam memperjuangkan isu kebajikan masyarakat di arena antarabangsa.
- iii) berkongsi maklumat, ilmu pengetahuan serta pengalaman dalam bidang kerja-kerja sosial dalam pembangunan masyarakat dengan rakan seperjuangan di negara lain.
- iv) mengeratkan perhubungan dengan lain-lain badan antarabangsa di bidang yang sama.

MAKPEM telah menyertai setiap Persidangan ICSW di peringkat Global dan Rantau Asia Pasifik.

2. Ibu Pejabat ICSW

Pejabat ICSW Global terletak di NIZW International Centre, P.O. Box 19152, 501 DD Utrecht, The Netherlands.

3. Regional Council on Social Welfare

ICSW pada masa ini dibahagikan kepada 10 rantau (regions) iaitu :-

- i) Eropah
- ii) Asia Timur
- iii) Asia Tenggara dan Pasifik
- iv) Asia Selatan dan Asia Tengah
- v) Timur Tengah dan Afrika Utara
- vi) Selatan Afrika
- vii) Afrika Barat dan Timur
- viii) Amerika Utara
- ix) Amerika Tengah dan Caribbean. Dan
- x) Amerika Latin.

Tempoh memegang jawatan bagi setiap rantau ialah dua (2) tahun. Namun bagi tempoh maksimum bagi seseorang memegang jawatan Presiden, Bendahari atau wakil ke Exco adalah empat (4) tahun.

4. ICSW Rantau Asia Tenggara dan Pasifik

Mr. Michael Raper dari Australia telah dilantik sebagai Presiden bagi kawasan Rantau Asia Tenggara dan Pasifik mulai tahun 2004 selama dua tahun dan seterusnya memegang jawatan tersebut sehingga 2008.



5. Lawatan Muhibbah Ke National Council on Social Welfare of Thailand (NCSWT)

Satu lawatan sambil belajar telah diadakan ke National Council on Social Welfare of Thailand (NCSWT) Bangkok, Thailand pada 27 – 29 Ogos, 2006. Lawatan ini telah dianjurkan oleh Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM) dan penyertaannya terbuka kepada semua ahli-ahli gabungan MAKPEM. Lawatan yang disertai seramai 37 orang ahli-ahli gabungan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diketuai oleh YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim, Presiden MAKPEM. Program lawatan meliputi perbincangan dengan Presiden dan Ahli-Ahli Majlis National Council on Social Welfare of Thailand, lawatan ke Rumah Kanak-Kanak Perempuan di Rajvithi Road, Bangkok, Pusat Pekerjaan dan Pembangunan Orang Kurang Upaya (Good Will Industries) di Terdamri Road, Dusit dan Projek Pembangunan Komuniti – Projek di Raja di Chitralada Villa, Istana Dusit, Bangkok.

Lawatan ini telah membolehkan para peserta mempelajari struktur organisasi Majlis Kebajikan Negara Thailand dan fungsinya serta cara-cara pertubuhan kebajikan sukarela mereka menangani dan memberi perlindungan kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan juga program pekerjaan bagi orang kurang upaya.





6. GO-NGO Forum di Bangkok, Thailand

Satu Forum di kalangan pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela peringkat Negara-Negara Asean telah diadakan di Bangkok, Thailand pada 7 – 9 September, 2006. Tujuan Forum ini diadakan ialah untuk merapatkan perhubungan di kalangan pertubuhan-pertubuhan sukarela di peringkat Asean serta membuka ruang perbincangan mengenai isu-isu sosial semasa dan juga rancangan kerjasama serantau mengenai kebajikan masyarakat. Pihak Kerajaan Malaysia telah diwakili oleh Puan Noormah binti Dato' Abdul Rauf dan pertubuhan sukarela diwakili oleh YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim, Presiden MAKPEM (Ketua) dan Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein, Timbalan Presiden MAKPEM sebagai ahli. Negara-negara yang telah menghantar wakil di dalam Forum tersebut adalah Brunei, Cambodia, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Philippines, Singapore, Thailand, dan Vietnam. Turut hadir ialah Japan, China, Republic of Korea, dan juga ICSW bagi South East Asia and Pacific Region.





7. Lawatan Ke Negara Jepun Atas Jemputan Foundation for the Welfare and Education of the Asian People (FWEAP)

Satu lawatan sambil belajar atas jemputan Foundation for the Welfare and Education of the Asian People (FWEAP) telah diadakan ke Negara Jepun pada 11 – 19 November, 2006. Tujuan lawatan ini diadakan ialah untuk meninjau aktiviti-aktiviti kebajikan masyarakat di Negara Jepun. Empat Negara Asia telah menjadi tetamu FWEAP dalam lawatan ini iaitu Malaysia, People's Republic of Bangladesh, India dan Democratic Socialist Republic of Sri Lanka.

Anggota rombongan Malaysia terdiri daripada :-

- 1) Puan Margaret Ho Po Yeok
Under Secretary, Policy and Planning Division – Ketua
- 2) Puan Khatijah Abdullah
Principal Assistant Director,
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
- 3) Encik Arfan Sulaiman
Principal Assistant Director,
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
- 4) Y. Bhg. Dato' Seri Mohamed Khalil bin Haji Hussein
Timbalan Presiden,
Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM)
- 5) Puan Joan Irene Yong
Naib Presiden,
Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM)

Program lawatan ini meliputi taklimat kepada para peserta oleh Pegawai Kanan FWEAP bagi memperkenalkan Negara Jepun – bentuk alam Negara Jepun, sejarah, kebudayaan, tradisi dan khidmat sosial yang diberikan kepada rakyat Jepun. Selain dari itu, lawatan juga diatur oleh pihak penganjur ke pusat-pusat kebajikan berikut :-

- a) Airinkai – Kompleks ini mengandungi rumah untuk warga tua, orang kurang upaya akal dan pusat jagaan bagi kanak-kanak.
- b) Saint Joseph Hospital – Pusat rawatan untuk kanak-kanak cacat dan kemudahan-kemudahan bagi kanak-kanak biasa.
- c) Norayamakai – Pusat latihan bagi kanak-kanak cacat anggota dan cacat akal.





SENARAI AHLI-AHLI JAWATANKUASA KECIL LATIHAN

- Pengerusi :** **YH. Dato' Setia Amar Segara Dato' Haji Halim bin Haji Ibrahim**
Presiden, MAKPEM
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang)
- Setiausaha :** **Tuan Haji Hitam bin Chik**
Ketua Pegawai Eksekutif, MAKPEM
- Ahli-Ahli :**
1. **Y. Bhg. Dato' Ghazali bin Dato' Yusoff**
Naib Presiden, MAKPEM
(Persatuan Pure Life)
 2. **Puan Hajah Khatijah binti Sulieman**
Naib Presiden, MAKPEM
(Majlis Kebangsaan Rumah-Rumah Cheshire Malaysia)
 3. **Tuan Haji Zainal Abidin bin Md. Alias**
Setiausaha Agung Kehormat, MAKPEM
(Majlis Pemulihan Malaysia)
 4. **Ketua Pengarah / Wakil**
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
 5. **Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Mary Huang Soo Lee**
(Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancangan Keluarga Malaysia)
 6. **Encik Zainal Abidin bin Salleh**
(Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang)
 7. **Brig. Jen. (B) Dato' Nik Zaaba bin Nik Daud**
(Persatuan Bekas Tentera Malaysia)
 8. **Encik T. Kamaraj**
(Majlis Kebangsaan Bagi Orang-Orang Terencat Akal Malaysia)
 9. **Encik Abdul Mohamed bin Md. Ghani**
(Persatuan Bekas Bolis Malaysia)
 10. **Encik Ismail bin Muda**
(Persekutuan Orang Pekak Malaysia)
 11. **Encik R. S. Vengadeson**
Pegawai Eksekutif (Latihan), MAKPEM



1. Tujuan Program Latihan

1.1. Program Latihan yang dikendalikan oleh Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MAKPEM) kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kakitangan dan sukarelawan supaya mereka dapat memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dan berprofessional terhadap kumpulan sasaran dan benefisiari pertubuhan masing-masing.

1.2. MAKPEM selain daripada berfungsi sebagai Badan Penyelaras dan membantu usaha-usaha kerajaan dalam bidang pembangunan sosial dan kebajikan, menurut perlembagaan antara lain ianya mempunyai matlamat :-

Bekerjasama dengan ahli-ahlinya untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan aktiviti pembangunan sosial dan kebajikan bagi menangani masalah-masalah sosial semasa di negara ini dan membantu meningkatkan mutu kerja ahli-ahlinya bagi mencapai perkhidmatan yang berkualiti.

2. Peruntukan Khas Bagi Latihan

2.1. Menyedari hakikat bahawa pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela memainkan satu peranan yang penting bagi mengadakan pelbagai perkhidmatan kebajikan masyarakat sebagai menampung dan menokok tambah perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan yang disediakan oleh kerajaan, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah menyediakan satu peruntukan khas bagi melatih kakitangan dan sukarelawan yang berkhidmat dengan organisasi-organisasi tersebut bagi tujuan memberi pengetahuan, kemahiran serta meningkatkan keupayaan mereka dalam pelbagai bidang kebajikan dan pembangunan komuniti.

2.2. MAKPEM ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kepercayaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang telah meluluskan satu geran khas sebanyak RM540,000.00 bagi membolehkan MAKPEM mengendalikan sebanyak 14 jenis kursus latihan pada tahun 2006, bagi tujuan meningkatkan keupayaan sektor pertubuhan sukarela kebajikan.

3. Objektif Program Latihan

3.1. Objektif Am

- a) Mendedahkan peserta kursus terhadap kerja-kerja kebajikan dan pembangunan sosial di Malaysia;



- b) Memahami isu-isu semasa berkaitan dengan kebajikan dan pembangunan sosial di Malaysia;
- c) Memahami cabaran-cabaran yang dihadapi di dalam urusan berhubung dengan tugas kerja mereka; dan
- d) Menyediakan forum bagi membolehkan pekerja sosial melahirkan hasrat dan komitmen untuk terus berjuang bagi mengatasi masalah sosial semasa yang dihadapi masyarakat dan negara.

3.2. Objektif Khusus

- a) Objektif Khusus program latihan ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para pekerja dan sukarelawan di dalam pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela yang mengendalikan program-program pencegahan, rawatan dan pemulihan kepada kumpulan-kumpulan sasaran seperti kanak-kanak yang bermasalah, remaja dan wanita yang terdedah kepada bahaya kerosakan moral, orang kurang upaya, warga mas dan kelompok-kelompok tertentu.
